

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

## PERLAKSANAAN TAHAP KE LIMA (NEW NORMAL atau KEBIASAAN BAHARU) BAGI MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, Isnin, 24hb. Rejab 1442H bersamaan 08hb. Mac 2021M –**

1. Alhamdulillah, dengan izin dan limpah rahmat dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, kita telah dapat menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat dan Sembahyang Fardhu Lima Waktu di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara pada tahap keempat semenjak hari Isnin, 13hb. Zulhijjah 1441H bersamaan 03hb. Ogos 2020M yang lalu.
2. In shaa Allah, sebagaimana yang telah dirancang, pelaksanaan tahap ke lima ( *new normal* atau kebiasaan baharu ) bagi masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara akan bermula pada **Hari Isnin, 24hb. Rejab 1442H bersamaan 08hb. Mac 2021M.**
3. Dimaklumkan bahawa bagi tahap ke lima ini, Jemaah dan orang ramai yang hadir dan menunaikan sembahyang di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara hendaklah mengikut garispanduan berikut:
  - i. Dimastikan mendaftar masuk dengan menggunakan aplikasi BruHealth serta mendapatkan kelulusan kod hijau atau kuning sahaja.
  - ii. Orang yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri diri ke masjid.
  - iii. Digalakkan untuk membuat pemeriksaan suhu badan.
  - iv. Dimastikan membawa dan menggunakan sejadah / tikar sembahyang sendiri (berukuran besar) bagi Sembahyang Fardhu Jumaat dan Sembahyang Fardhu 5 waktu.
  - v. Penjarakan fizikal antara jemaah adalah mengikut ukuran sejadah / tikar sembahyang masing-masing.
  - vi. Tidak digalakkan untuk bersalam-salaman.
  - vii. Tidak ada had umur bagi jemaah yang hadir menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat.

M.S: 1 - 2

- viii. Digalakkan untuk berwudhu dari rumah ketika menghadiri Sembahyang Fadhu Jumaat.
  - ix. Digalakkan untuk memakai sungkup muka ketika menghadiri Sembahyang Fardhu Jumaat.
  - x. Digalakkan untuk mensanitasi tangan sebelum dan selepas memasuki masjid.
4. Kita hendaklah sentiasa waspada dan mematuhi setiap saranan dan nasihat yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan. Marilah kita istiqamah mengucapkan Alhamdulillah wasysyukru Lillah dan berterusan memelihara dan meningkatkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

**Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam Surah at-Taghabun, ayat 11:**

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ  
يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

*“Tiada suatu bencana pun yang menimpa melainkan dengan izin Allah, dan sesiapa yang beriman kepada Allah nescaya Dia akan mengurniakan petunjuk kepada hatinya (untuk menerima apa yang berlaku dengan tenang dan sabar). Dan Allah Maha Mengetahui tiap-tiap sesuatu”.*

-TAMAT-

Rujukan: KHEU/BPA/PR55/MAC/2021

Tarikh: 24hb. Rejab 1442H bersamaan 8hb. Mac 2021M